



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 3 APRIL 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	TINGKATKAN PENDAPATAN NELAYAN, NASIONAL, HARAKAH -N3	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
2.	JANGAN BELA ANJING BAKA TERLARANG, K.SEL,TANJUNG KARANG, SH -23	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
3.	LKIM GESA KEKANG PENCEROBOHAN NELAYAN ASING, DALAM NEGERI, UM -20	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
4.	HARGA DI AGRO MALL MURAH TANPA ORANG TENGAH, MUKA SEPULUH, BH -10	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
5.	KADA TEKAD BANTU TINGKATKAN PENDAPATAN GOLONGAN PESAWAH, SETEMPAT, HM -28	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
6.	HUSAM MUSA IS NEW KADA CHAIRMAN, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A22	
7.	HUSAM PENERUSI KADA BAHARU, BERITA, BH (UTARA) -77	
8.	AKHIRNYA HUSAM TERAJUI KADA, NEWS, SINAR HARIAN (PANTAI TIMUR) -18	
9.	HUSAM MUSA IS NEW KADA CHAIRMAN, NEWS, SIN CHEW DAILY (EAST COAST) -3	
10.	SISTEM I-MAQIS MULAI JUN, ISU, BH -12	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
11.	IMAQIS AKAN DILAKSANA SEPENUHNYA, NASIONAL, SH -16	
12.	AGRICULTURAL IMPORT – EXPORT PERMIT IN 3 MINUTES WITH IMAQIS, NEWS, BORNEO POST -6	
13.	MALYSIAN INSPECTION AND QUARANTINE SERVICE DEPARTMENT TO IMPLEMENT IMAQIS ONLINE, NATION, CHINA PRESS -A8	
14.	IMAQIS TO BE IMPLEMENTED MID – YEAR, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A3	
15.	AGRICULTURAL IMPORT-EXPORT PERMIT IN 3 MINUTES WITH IMAQIS, HOME, BORNEO POST (KUCHING) -5	
16.	IMAQIS MAMPU PERKASA KAWALN KOMIDITI PERTANIAN, DALAM NEGERI, UM -49	
17.	SOGOK JAM: KHALID YAKIN TIDAK SALAH, DALAM NEGERI, UM -49	LAIN - LAIN
18.	SETIAUSAHA POLITIK DIREMAN EMPAT HARI, NEGARA, KOSMO 8	
19.	SIASAT JAM RM28,000, SETEMPAT, HM -11	
20.	SETIAUSAHA POLITIK DIREMAN, DALAM NEGERI, UM -9	
21.	SAYA TAKKAN LINDUNGI -SALAHUDDIN, DALAM NEGERI, UM -9	
22.	SETIAUSAHA POLITIK MENTERI KENA REMAN EMPAT HARI, MAHKAMAH, BH -19	
23.	RASUAH JAM: SETIAUSAHA POLITIK MENTERI DIREMAN, NASIONAL, SH -6	
24.	MINISTER'S AIDE REMANDED OVER RM28,000 WATCH, NEWS, NST -3	
25.	ANGGOTA PENTADBIRAN DILARANG TERIMA HADIAH, DALAM NEGERI, UM -3	
26.	NELAYAN PANTAI TELUK BAHANG DIANCAM PENCEMARAN SISA LUMPUR, TAMU, MINGGUAN AMANAH -22	
27.	KELULUT TEMBUSI PASARAN ANTARABANGSA, NEGERI, NASIONAL -N12	
28.	KELANTAN HASIL MADU KELULUT BERMUTU, NEGERI, HARAKAH -N12	
29.	SALAHUDDIN CABAR ABDUL HADI DEDAH NAMA PEMIMPIN AMANAH ALAT DAP, NASIONAL, MINGGUAN AMANAH -2	
30.	BERANI HADAPI KARTEL, RENCANA, UM -16	
31.	APA HUJAH AMANAH ALAT DAP?, RENCANA, UM -17	

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Tingkatkan pendapatan nelayan

Oleh NAZIHAN KHAN

KUALA LUMPUR: Ahli Parlimen Tumpat, Dato' Che Abdullah Mat Nawi meminta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan nilai hasil tangkapan laut dalam mengikut negeri dari 2015-2018.

Beliau mengemukakan soalan tersebut ketika sesi pertanyaan bagi jawab lisan di Dewan Rakyat 27 Mac.

Menjawab soalan tersebut, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin menyatakan perangkaan Jabatan Perikanan Malaysia, pengeluaran perikanan tangkapan marin dari tahun 2015-2018.

"Pada tahun 2015 sebanyak 1.49 juta metrik tan bernilai RM9,321 juta. Pada tahun 2016 sebanyak 1.57 juta metrik tan bernilai RM10,176 juta.

"Pada tahun 2017, 1.47 juta metrik tan bernilai RM10,818



Che Abdullah Mat Nawi

juta manakala pada tahun 2018 sebanyak 1.47 juta metrik tan bernilai RM11,385 juta," tambah beliau.

Abdullah mengemukakan soalan tambahan dengan mempersoalkan apakah rancangan penambahbaikan cadangan sistem penjualan terus dari laut seperti yang telah dilaksanakan sebelum ini.

Hal ini katanya supaya ia benar-benar mencapai matlamat yang diharapkan untuk mengurangkan manipulasi orang tengah dan akhirnya meningkatkan pendapatan para nelayan.

"Berdasarkan kenyataan yang dikeluarkan oleh LKIM, Malaysia masih mengimport 20 peratus ikan daripada luar negara.

"Justeru itu, apakah inisiatif lain Kementerian dalam memastikan hasil tangkapan ikan dapat ditingkatkan," soal beliau.

Menjawab soalan itu, Sim Tze Tzin berkata, secara purata Malaysia telah mencapai 90 peratus SSL jadi lebih kurang 10 peratus adalah import.

"Tetapi mungkin kerana kita ada eksport sesetengah ikan maka kita terpaksa ganti import dari negara lain.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/4/2019	SINAR HARIAN	KUALA SELANGOR, TANJUNG KARANG	23

Jangan bela anjing baka terlarang

KUALA SELANGOR – Orang ramai dinasihatkan supaya tidak memelihara anjing jenis baka terlarang yang disenaraikan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia.

Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), Rahilah Rahmat menjelaskan, pihaknya menyarankan pemilik anjing peliharaan di daerah ini untuk mendapatkan lesen atau memperbaharui lesen anjing peliharaan mereka.

“Lesen anjing peliharaan boleh diperoleh di Jabatan Kesihatan dan Persekitaran MDKS atau datang terus ke kaunter bergerak yang akan dibuka pada 6 April ini sehingga 21 April nanti.

“Pemohon perlu mengemukakan sijil kesihatan dan mengemukakan status anjing yang telah atau tidak dimandulkan daripada Pegawai Jabatan Haiwan Negeri Selangor atau lain-lain doktor veterinar yang berdaftar.

“Setiap lesen untuk seekor anjing akan dikenakan bayaran sebanyak RM12 sahaja untuk setahun,” katanya dalam satu kenyataan kepada Sinar Harian.

Rahilah menegaskan, permohonan lesen ini penting kerana adalah menjadi satu kesalahan mengikut Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing dan Pembiakan Anjing (MDKS) 2017.

“Satu kesalahan mempunyai, memelihara atau melindungi anjing yang melebihi umur tiga bulan,” katanya.

3/4/2019

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

20



MUHAMMAD FAIZ FADHIL (kanan) melihat proses pembekuan ikan segar untuk dijadikan produk ikan segar beku bagi pasaran tempatan di Kompleks Pendaratan Ikan LKIM Kuala Besut, Terengganu, semalam. - BERNAMA

LKIM gesa kekang pencerobohan nelayan asing

BESUT 2 April - Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) akan mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan semua agensi penguatkuasaan bagi mengekang pencerobohan nelayan negara asing di perairan negara.

Pengerusinya, Muhammad Faiz Fadzil berkata, usaha itu untuk mencari kaedah terbaik bagi menangani kerugian hasil tangkapan kira-kira 980,000 tan metrik yang bernilai kira-kira RM6 bilion setahun kepada negara dan nelayan.

Katanya, apa yang penting ialah aspek penguatkuasaan perlu dipertingkatkan dan menerusi perjumpaan dan perbincangan itu akan membolehkan semua pihak merangka kaedah yang konkrit

untuk kepentingan bersama.

"Masalah dan ketirisan berlarutan sejak lebih 30 tahun dan ia perlu ditangani segera kerana telah menjejaskan pendapatan nelayan dan negara yang mempunyai banyak sumber tetapi masih dikaut nelayan asing.

"Perbincangan juga dirancang bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna supaya harga ikan di pasaran dapat dikawal demi kepentingan nelayan dan pengguna," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan Majlis Ramah Mesra bersama masyarakat nelayan Besut di Kompleks LKIM Kuala Besut dekat sini hari ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/4/2019	BERITA HARIAN	MUKA SEPULUH	10

Harga di Agro Mall murah tanpa orang tengah

Kita mengalukan cadangan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub untuk membuka pasar raya - Agro Mall FAMA, yang menjual pelbagai produk dan hasil pertanian tahun ini dengan fokus kepada meningkatkan hasil jualan industri pertanian dan peladangan negara.

Idea ini bagus tetapi janganlah 'hangat-hangat tahi ayam' sahaja kerana sebelum ini, pernah diutarakan projek seumpamanya tetapi tidak menjadi. Konsep Agro Mall FAMA ini sepatutnya lebih komprehensif untuk mengawal bekalan daripada pengeluar hingga ke runcit.

Dengan rantaiannya itu, baharu harga jadi murah sebab membeli secara pukal dan menjual secara runcit tanpa melalui orang tengah. Sistem sebegini perlu mantap dan elak daripada disabotaj.



SALAHUDDIN (tengah) beramah mesra dengan Husam (kiri) sambil diperhatikan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Sallehuddin Hassan.

Kota Bharu

KADA tekad bantu tingkatkan pendapatan golongan pesawah

Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) bertekad sentiasa membantu meningkatkan pendapatan pesawah dan hasil pengeluaran padi di negeri ini.

Pengerusi baharunya Datuk Husam Musa berkata, sasaran itu ditetapkan dalam usaha membantu pesawah di bawah KADA.

Katanya, beliau berhasrat untuk memenuhi wawasan sebagai negeri Jelapang Padi kedua terbesar dalam membantu industri padi dan beras negara.

"Saya akan berusaha mencari kaedah terbaik untuk meningkatkan pendapatan petani.

"Sebagai orang baru di KADA, saya mengharapkan

bantuan daripada pegawai yang lebih berpengalaman untuk bersama-sama membantu pesawah, sekaligus meningkatkan hasil pengeluaran," katanya.

Bellau berkata demikian ketika memberi ucapan dalam majlis

pengumuman Pengerusi Baharu KADA di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Pertanian dan Industri Asas

Tani, Datuk

Salahuddin Ayub yang turut menyampaikan surat wafatiah pelantikan.

Pelantikan Husam yang juga Ahli Dewan Negara berkuat kuasa pada 1 Mac lalu bagi menggantikan bekas Pengerusi KADA Datuk Md Alwi Che Ahmad.

FAKTA

Berhasrat untuk memenuhi wawasan sebagai negeri Jelapang Padi kedua terbesar

Headline	Husam Musa is new Kada chairman		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	03 Apr 2019	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A22	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	303 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,811
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,434



沙拉胡丁（右）移交委任状予胡山慕沙。

发展哥姆布为第二粮仓 胡山慕沙任农业局主席

（哥打峇鲁 2 日讯）希望联盟吉兰丹州主席拿督胡山慕沙上议员正式受委为哥姆布农业发展局（Kada）主席，3 月 1 日生效。

农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁说，这项委任获得国家元首苏丹阿都拉陛下的御准。

“经过各方考量，加上胡山是土生土长的吉兰丹人，才作出这项委任。我们希望通过这项委任能确保哥姆布农业发展局永续管理，发展成为国家

第二大粮仓。”

沙拉胡丁今天在这项委任仪式上，对记者这么说。

此前该主席一职由格拉那州议员拿督莫哈末阿威担任。

他指出，这项委任也符合政府推动所有领域发展，包括稻米业现代化。

沙拉胡丁说，农业部采取多项措施解决稻田水源短缺问题。他说，农业部与大马气象局合作，从本星期开始，在数个受影响的种稻地区布云造雨。

Headline	Husam Pengerusi KADA baharu		
MediaTitle	Berita Harian (Utara)		
Date	03 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Berita	Circulation	2,802
Page No	77	Readership	8,406
Language	Malay	ArticleSize	195 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,486
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,459



Husam Pengerusi KADA baharu

Kota Bharu: Pengerusi Pakatan Harapan (PH) Kelantan, Datuk Husam Musa dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) yang baharu berkuat kuasa kelmarin.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, berkata pelantikan itu dibuat selepas mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Katanya, pemilihan itu selepas mengam-bil kira semua faktor dan memberi peluang kepada Husam memandangkan beliau adalah anakjati negeri ini dan pernah menggalas jawatan sebagai EXCO kerajaan negeri.

"Diharap pelantikan Husam ini dapat menjadikan KADA ke hadapan selain akan memainkan peranan untuk tentukan hala tuju yang digariskan iaitu memodenkan semua sektor dalam pertanian terutama berkaitan padi.

Harap KADA lebih mantap

"Apa yang penting, KADA akan menjadi lebih mantap bagi memajukan jelapang padi kedua terbesar selepas Kedah di Semenanjung Malaysia, dengan pelantikan ini," katanya dalam sidang media selepas Majlis Perasmian Pengerusi Baru KADA di sini, semalam.



Husam Musa

Jawatan itu sebelum ini di-sandang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kok Lanas, Datuk Md Alwi Che Ahmad.

Atasi masalah kekurangan air

Ditanya mengenai kemarau menyebabkan tanaman padi di kawasan KADA menghadapi kekurangan air, Salahuddin berkata, pihaknya sudah mengambil beberapa inisiatif dan tindakan, antaranya mengepam air yang dikitar semula dari sungai berdekatan.

"Pada masa sama, operasi pembenihan awan dengan kerjasama Jabatan Meteorologi akan dilakukan selepas melihat kesesuaian pada minggu ini," katanya.

Untuk rekod kira-kira satu pertiga atau 7,440 hektar daripada 26,833 hektar keseluruhan kawasan padi KADA terjejas akibat cuaca panas dan ketiadaan hujan sejak sebulan lalu membabitkan 2,500 pe-sawah.

Sementara itu, Husam berkata, kemarau yang menyebabkan hasil petani merosot akan menjadi perhatiannya dan akan mencari penyelesaian terbaik hasil bantuan pegawai yang lebih berpengalaman.

"Hasrat kami adalah meningkatkan pendapatan petani. Kita akan mencari kaedah terbaik bagi mencapai sasaran ini," katanya.

Headline	Akhirnya Husam terajui KADA		
MediaTitle	Sinar Harian (Pantai Timur)		
Date	03 Apr 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	40,000
Page No	18	Readership	120,000
Language	Malay	ArticleSize	378 cm ²
Journalist	SITI FATIHAH AWANG	AdValue	RM 4,073
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,219



Akhirnya Husam terajui KADA

Pelantikan itu dibuat selepas diperkenankan Yang di-Pertuan Agong

Siti Fatimah Awang

KOTA BHARU

Pengerusi Pakatan Harapan Kelantan, Senator Datuk Husam Musa dilantik sebagai Pengerusi Baru Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) bermula 1 March 2019.

Pengumuman tersebut dibuat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub dalam satu majlis di Pejabat KADA, di sini, semalam, mengakhiri teka-teki selama lapan bulan mengenai

siapa yang bakal menerajui agensi berkenaan selepas PH mengambil alih tampuk pentadbiran negara.

Husam menggantikan ADUN Kok Lanas, Datuk Md Alwi Che Ahmad yang menjawat jawatan tersebut sewaktu BN mentadbir negara sebelum ini.

Salahuddin dalam sidang media di sini memberitahu, pelantikan ini bersesuaian dengan Husam sebagai anak jati Kelantan yang mempunyai pengalaman sebagai Exco kerajaan negeri untuk memandu KADA ke arah lebih baik selepas ini.

"Saya harap dengan pelantikan ini menjadikan KADA lebih ke hadapan dan dapat memainkan peranan dalam hala tuju memodenkan semua sektor dalam bidang pertanian," katanya.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh Ketua Se-



Husam (kiri) menerima surat pelantikannya yang disampaikan Salahuddin, semalam.

tiausaha, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd Sallehuddin Hassan dan kakitangan agensi tersebut.

Menurutnya, pelantikan itu adalah untuk dua tahun dan pihak kementerian tidak teragak-agak

untuk menghentikan perkhidmatan Husam jika beliau tidak mampu menggalas tanggungjawab yang diberikan dengan baik.

Ketika ditanya spekulasi mengenai pelantikan tersebut, Salahuddin memberitahu, tiada isu berbang-

kit mengenai perkara itu memandangkan dua akta iaitu KADA dan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) memang memerlukan perkenan daripada Yang di-Pertuan Agong.

Sementara itu, Husam merakamkan penghargaan

info

Pelantikan ini adalah bersesuaian dengan Husam sebagai anak jati Kelantan yang mempunyai pengalaman sebagai Exco kerajaan negeri

kepada Yang di-Pertuan Agong di atas memperkenankan pelantikannya mengemudi agensi itu.

Menurutnya, pelantikan tersebut sangat bermakna dan berharap tunjuk ajar daripada semua pihak terutamanya keluarga KADA.

"Saya masih baru dan belum biasa sepenuhnya di sini, tetapi rakan pengurusan KADA mempunyai pengalaman dan boleh membantu mengatasi pelbagai masalah pertanian," jelasnya.

Headline	Husam Musa is new Kada chairman		
MediaTitle	Sin Chew Daily (East Coast)		
Date	03 Apr 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	8,439
Page No	3	Readership	25,317
Language	Chinese	ArticleSize	148 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 448
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,345



獲國家元首首肯
胡桑慕沙掌KADA

沙拉胡丁（中）移交委任状予胡桑（左），右为莫哈末沙列胡丁

（哥打峇鲁2日讯）吉兰丹州上议员拿督胡桑慕沙，受委为吉兰丹格姆布农业发展机构（KADA）主席一职。

尽管这项委任经于3月1日生效，但颁发委任状仪式今日上午才由农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁主持。是项仪式是在格姆布农业发展机构办公楼举行的一项农业发展汇报后进行。

沙拉胡丁说，胡桑是一名经验丰富的领袖，他希望以胡桑的能力，可以更好的协助格姆布农业发展机构日后的发展。

“他（胡桑）是吉兰丹人，胡桑曾经是丹州行政议员，我相信他的管理经验和能力。这项任命也获得国家元首陛下的首肯。”

是日，出席会议的尚有农业及农基工业部秘书长拿督莫哈末沙列胡丁。

与此同时，胡桑对其职务委任，向国家元首表示感谢。

他说，由于各地正值旱季，目前当务之急是要解决农民面对的稻田灌溉的缺水问题。

他指出，丹州有三分之一的田地面对缺水问题，涉及农民约2500人，这多少会影响农民的收入。

胡桑也说，由于他需要充足的时间去适应其职务，以便更全面的掌握相关运作。不过，他相信格姆布农业发展机构有经验的管理层，能应付相关问题。

Sistem i-MAQIS mulai Jun

➔ Permit import, eksport produk tani diurus sepantas 3 minit

Oleh Samadi Ahmad
cnews@nstp.com.my

Putrajaya

Sistem Maklumat Bersepadu MAQIS (i-MAQIS) yang bertujuan mempercepat kawalan import dan eksport komoditi pertanian akan dikuatkuasakan mulai Jun depan.

Ia juga membolehkan penguat kuasa Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) menyemak maklumat dagangan dengan lebih cepat bagi mengelak pemalsuan permit.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin, berkata sistem itu membolehkan permohonan permit

untuk urusan import dan eksport produk pertanian dan agromakanan dilakukan sepantas tiga minit melalui sistem dalam talian.

Katanya, permohonan secara dalam talian itu sudah dilaksanakan secara berperingkat sejak November tahun lalu bagi menggantikan permohonan secara manual, yang mana turut dilengkapi kod maklum balas pantas (Kod QR).

"Sistem baharu ini akan menjadi nilai tambah kepada operasi penguat kuasa MAQIS di pintu masuk negara serta menjimatkan masa dan aspek kecakapan kerja memproses permit pengimport dan pengeksport," katanya selepas pelancaran i-MAQIS dan Hari Bertemu Pelanggan MAQIS di sini, semalam.

107 kes tangkapan 2018

Pada tahun lalu, MAQIS memproses sebanyak 554,461 permit import dan eksport dengan jumlah kuantiti 37 juta tan dengan nilai dagangan berjumlah RM133 bilion.

Selain itu, 107 kes tangkapan, 29 kes pendakwaan dengan ni-



Sistem baharu ini akan menjadi nilai tambah kepada operasi penguat kuasa MAQIS di pintu masuk negara serta menjimatkan masa"

Sim Tze Tzin,
Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

lai rampasan berjumlah RM13 juta dan nilai denda RM333,200 turut direkodkan MAQIS pada tahun lalu.

Tze Tzin berkata, sistem itu bertujuan menyediakan penguatkuasaan bercirikan teknologi maklumat yang lebih berkesan kepada penjawat awam.

Katanya, kekuatan anggota MAQIS 400 orang mengawasi pintu masuk seluruh negara akan menjadi benteng utama bagi memastikan setiap keluaran pertanian dan produk agromakanan diimport adalah selamat, berkualiti serta halal demi kesejahteraan orang ramai.

Setakat ini, kerjasama serta persefahaman MAQIS dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) di pintu masuk sempadan negara, termasuk Sabah dan Sarawak sangat baik terutama dalam melaksanakan tugas penguatkuasaan.

"Menjelang Ramadan ini, MAQIS juga akan menguatkuasakan kawalan terhadap kemasukan kurma bagi mengelak produk yang mengandungi ulat dan bahan kimia serta boleh menyebabkan penyakit kepada pengguna," katanya.

iMAQIS akan dilaksanakan sepenuhnya

Sistem baru teknologi maklumat untuk perkasakan kawalan import dan eksport pertanian

IZVANI LYVANA
MOHD DARIF

PUTRAJAYA

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengumumkan iMAQIS Integrated Information System (iMAQIS) yang diaplikasikan sejak November tahun lalu secara berperingkat akan dilaksanakan sepenuhnya pertengahan tahun ini.

Timbalan Menteri, Sim Tze Tzin berkata, sistem teknologi iMAQIS berasaskan web itu adalah platform yang berperanan mengumpul pelbagai data aktiviti dan operasi Jabatan Perkhid-

matan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) bagi memperkasakan kawalan import serta eksport komoditi pertanian.

"Sistem iMAQIS ini akan menjadikan MAQIS sebagai sebuah jabatan penguatkuasaan, yang mengaplikasikan teknologi maklumat secara komprehensif dalam menyediakan perkhidmatan dan meningkatkan bidang penguatkuasaan lebih efisien serta efektif.

"Selain membantu memudahkan prosedur pemeriksaan dan pelepasan, iMAQIS juga memudahkkan pertukaran data berkaitan perdagangan secara elektronik dan transaksi tanpa tunai untuk proses yang lancar serta telus," katanya selepas merasmikan Hari Bertemu Pelanggan dan Pelancaran Sistem iMAQIS di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian, Dr Zamika Mohamed dan Ketua Pengarah Kuarantin dan Pemeriksaan, Saiful Yazan Alwi.

Tze Tzin berkata, antara ciri-

FOTO: ZAHID-IZZATI



Tze Tzin (tengah) ketika melancarkan Buku Indikator Import dan Eksport Bagi Komoditi Pertanian 2019, semalam. Turut sama, Zamika dan Saiful Yazan.

ciri yang terdapat dalam sistem berkenaan adalah penggunaan QR Code pada permit MAQIS yang membolehkan pegawai penguat kuasa menyemak maklumat dagangan dengan cepat dan membantu mengelak pemalsuan permit.

Direkodkan tahun lalu, MAQIS telah memproses 554,461 permit import dan eksport, bersamaan kuantiti 37 juta metrik tan dengan nilai dagangan bernilai RM1133 bilion.

"Justeru, diharap menerusi sistem baharu ini, kerajaan dapat

menjimatkan kos dari segi perbelanjaan kewangan, masa dan pelbagai aspek. Misalnya, sebelum ini kebanyakan proses termasuk permit import dan eksport perlu melalui proses penyediaan kertas kerja.

"Dengan adanya iMAQIS, semua proses ini dilakukan secara atas talian," katanya.

Mengulas lanjut, beliau turut menyifatkan iMAQIS akan menjadi nilai tambah kepada operasi di pintu-pintu masuk MAQIS di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan, melibatkan aspek kecekapan kerja memproses dan kemudahan kepada pengimport serta peng-eksport.

"Ini termasuklah menyokong operasi harian kawalan di pintu serpadan dan membantu menghalang aktiviti penyeludupan ke dalam negara," katanya.

Sementara itu, pada majlis tersebut, turut dilancarkan Buku Indikator Import Eksport dan program Hari Bertemu Pelanggan.

Headline	Agricultural import-export permit in 3 minutes with iMaqis		
MediaTitle	Borneo Post Online(www.theborneopost.com)		
Date	03 Apr 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	3
Order Rank	6	Readership	5
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,050
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,150

Agricultural import-export permit in 3 minutes with iMaqis

PUTRAJAYA: Applications of the agricultural and agrofood products import and export permit can be done in as quick as three minutes via the online system, iMaqis. Agriculture and Agrobased Industries Ministry deputy minister Sim Tze Tzin said the new sys...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	Malaysian Inspection and Quarantine Service Department to implement iMaqis online		
MediaTitle	China Press		
Date	03 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A8	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	204 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,024
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,072



(布城2日讯)为进一步提升服务效率,马来西亚检疫与检验服务局将於今年中,全面执行iMAQIS电子服务系统。

农业与农基工业部副部长沈志勤说,这项为大马检疫与检验服务局和相关业者带来便利的电子服务系统,除了全面电子化与数据化该局的作业,也能每年为当局节省约5.5万令吉的开销。

他指出,由於过往业者都是通过手动方式向大马检疫与检验服务局提出书面申请,如今这套系统的落实,将能节省纸张成本。

“(系统的执行)可以每年节省20

大馬檢疫與檢驗服務局 年中全面iMAQIS作業

万令吉的纸张开销,以及35万令吉的其他事务开销。”

沈志勤今早为该系统支持推介礼後,发表上述谈话。出席者包括部门副秘书长祖妮卡和大马检疫与检验服务局总监赛夫亚占。

他说,这项系统可以允许官员为所发出的准证进行二维码扫描,以鉴定准证的真伪,从而提升了保安程度。

他也说,大马检疫与检验服务局在

2018年,共处理55万4461张进出口准证和3700万公吨的物品,贸易总额高达1330亿令吉。

“新系统的推行将为当局在全马各地的工作带来增值,也为进出口业者带来便利。”

此外,赛夫亚占透露,此系统已於去年11月进行首阶段的启用,预计在今年中全面落实後,可晋升至无现金交易,让业者从中受惠。

Headline	iMAQIS to be implemented mid-year		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	03 Apr 2019	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A3	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	261 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,283
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,849



电子扫描鉴定准证真伪 检疫局年中启用 iMAQIS

(布城 2 日讯) 为进一步提升服务效率，大马检疫与检验服务局将于今年中全面执行 iMAQIS 电子服务系统。

年省 55 万开销

农业与农基工业部副部长沈志勤透露，这项为大马检疫与检验服务局和相关业者带来便利的电子服务系统除了全面电子化与数据化该局的作业，每年也能为当局节省约 55 万令吉开销。

他表示，由于过往业者都是通过手动方式向大马检疫与检验服务局提出书面申请，如今这套系统的落实，将能节省纸张成本。

“(系统的执行) 可以每年节省 20 万令吉的纸张开销，以及 35 万令吉的其他事务开销。”

沈志勤今早为该系统支持推介礼后，发表



赛夫亚占（左起）与祖妮卡陪同沈志勤，为 iMAQIS 电子服务系统主持推介礼。

上述谈话。随同出席者也包括了部门副秘书长祖妮卡和大马检疫与检验服务局总监赛夫亚占。

他说，这项系统允许官员为所发出的准证进行二维码扫描，以鉴定准证的真伪，从而提高保安程度。

Headline	Agricultural import-export permit in 3 minutes with iMaqis		
MediaTitle	Borneo Post (Kuching)		
Date	03 Apr 2019	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	60,767
Page No	5	Readership	182,301
Language	English	ArticleSize	121 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 825
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,475



Agricultural import-export permit in 3 minutes with iMaqis

PUTRAJAYA: Applications of the agricultural and agrofood products import and export permit can be done in as quick as three minutes via the online system, iMaqis.

Agriculture and Agrobased Industries Ministry deputy minister Sim Tze Tzin said the new system would be able to save the time of the personnel at the Malaysian Inspection and Quarantine Service Department (Maqis) as they need not use paper and cash because all businesses were implemented online.

He said iMaqis which would operate fully in the middle of the year would enable a saving of RM350,000 a year.

"The new system has become a value added to the operations at the entry gate to Maqis in Peninsular Malaysia and the Federal Territory of Labuan in terms of efficiency of work to process and facilitating importers and exporters," he told reporters after launching the iMaqis here yesterday.

According to Sim, iMaqis, with six modules, had started to be utilised in stages since November last year.

Sim said among the characteristics of iMaqis is the use of the 'QR code' on the Maqis permit which would enable Maqis enforcement officers to speedily check the trade information to avoid permit falsification, as one of its security features.

Last year, he said Maqis processed 554,461 import and export permits involving 37 million metric tonnes worth RM133 billion. — Bernama

Sogok jam: Khalid yakin tidak salah

■ KUALALUMPUR 2 APRIL

PENGARAH Komunikasi Parti Amanah Negara (Amanah), Khalid Abdul Samad yakin Setiausaha Politik Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub yang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) semalam tidak bersalah.

Khalid yang juga Menteri Wilayah Persekutuan memberitahu bahawa beliau secara peribadi terkejut dengan berita penahanan tersebut atas tuduhan menerima sogokan jam tangan bernilai RM28,000.

"Setahu saya dia berkorban ribuan ringgit dan masanya untuk menentang ama-

lan rasuah. Semoga dia tabah menghadapi ujian ini.

"Saya doakan dia dilindungi Allah daripada segala perancangan jahat lawan politik sekiranya ada dan diadili dengan adil. SPRM akan menjalankan tugasnya tanpa gangguan atau campur tangan politik daripada PH (Pakatan Harapan). Namun saya yakin, kerana saya kenal dirinya, dia tidak bersalah,"



KHALID ABD. SAMAD

katanya dalam laman Twitter miliknya di sini hari ini.

Semalam, SPRM menahan Setiausaha Politik kepada Salahuddin kerana disyaki menerima suapan berbentuk seutas jam tangan dianggarkan bernilai kira-kira RM28,000.

iMaqis mampu perkasa kawalan komoditi pertanian

PUTRAJAYA 2 April - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) melancarkan Maqis Integrated Information System (iMaqis) bagi memperkasa kawalan import dan eksport komoditi pertanian negara.

Sistem iMaqis akan menjadi sistem 'big data' dalam mengumpulkan pelbagai data aktiviti dan operasi Maqis.

Antara ciri-ciri yang terdapat dalam sistem ini adalah penggunaan Kod QR pada permit Maqis yang akan membolehkan pegawai penguat kuasa menyemak maklumat dengan dagangan dengan cepat dan mengelakkan pemalsuan permit.

Pelancaran iMaqis disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin. Turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian, Dr. Zunika Mohamed dan Ketua Pengarah Maqis, Saiful Yazan Aiwat.

Tze Tzin berkata, sistem baharu itu akan menjadi nilai tambah kepada operasi di pintu masuk di seluruh negara.

"Maqis merupakan badan penguat kuasa yang dipertanggungjawabkan sebagai benteng utama bagi jaminan bekalan dan keselamatan makanan negara, dengan memastikan setiap keluaran pertanian dan produk agromakanan yang diimport adalah selamat, berkualiti dan halal untuk kesejahteraan rakyat.

"Justeru, Maqis perlu meningkatkan keberkesanan operasi di pintu-pintu masuk dengan mempunyai sebuah sistem yang berteknologi tinggi dan mampu menyokong operasi harian kawalan di pintu sempadan seterusnya menghalang berlakunya sebarang aktiviti penyeludupan dalam negara," katanya berucap dalam majlis pelancaran itu bersempena Hari Bertemu Pelanggan Maqis di Wisma Tani di sini hari ini.

Tze Tzin berkata, tahun lalu, Maqis memproses sebanyak 554,463 permit import dan eksport komoditi pertanian dengan kuantiti 37 juta tan dengan nilai dagangan berjumlah RM133 bilion.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/4/2019	KOSMO	NEGARA	8

Setiausaha politik direman empat hari

PUTRAJAYA - Setiausaha politik kepada seorang menteri telah direman selama empat hari bermula semalam selepas disyaki menerima suapan berbentuk seutas jam tangan jenama Omega yang dianggarkan bernilai kira-kira RM28,000 tahun lalu.

Perintah reman sehingga Jumaat ini dikeluarkan oleh Majistret Ahmad Asyraf Mohammad Kamal selepas membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membolehkan siasatan lanjut dilakukan.

Terdahulu, lelaki berusia 47 tahun itu tiba di Mahkamah Majistret di sini dengan memakai baju lokap SPRM kira-kira pukul 9.15 pagi dengan diiringi beberapa orang pegawai suruhanjaya itu.

Kosmo! semalam melaporkan, SPRM menahan lelaki berkenaan kira-kira pukul 5 petang semalam di ibu pejabat SPRM ketika hadir memberi keterangan.

Menurut sumber, siasatan awal mendapati lelaki terbabit dipercayai menerima jam tangan mewah itu sebagai dorongan membolehkan sebuah syarikat pembangunan mendapatkan projek-



SETIAUSAHA politik kepada seorang menteri yang didakwa menerima suapan berbentuk jam tangan dianggarkan bernilai RM28,000 tiba di Mahkamah Majistret Putrajaya semalam.

projek di bawah kelolaan sebuah kementerian.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan penahanan tersebut.

Katanya, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009.

Setiausaha politik didakwa terima jam tangan RM28,000 ditahan

PUTRAJAYA - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang setiausaha politik kerana disyaki menerima jam tangan yang dianggarkan bernilai RM28,000 tahun lalu. Menurut sumber, lelaki terbabit ditahan kira-kira pukul 5 petang semalam di ibu pejabat SPRM Putrajaya.

KERATAN Kosmo! semalam.

Siasat jam RM28,000

■ Setiausaha politik menteri direman empat hari selepas didakwa bantu kontraktor peroleh projek kementerian

Siti Aisyah Sukaini
sitaishyah@metro.com.my

Putrajaya

Setiausaha politik kepada Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub akan mengambil tindakan sewajarnya berikutan penahanan setiausaha politiknya oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), kelmarin. Beliau berkata, jika didapati bersalah, pegawai itu akan menerima padah kerana tidak mematuhi undang-undang.

"Biarlah undang-undang yang mengambil tempat (menyasah) setiausaha politiknya) dan selepas itu, saya sendiri akan mengambil tindakan sewajarnya.

"Saya tidak akan melindunginya kerana prinsip saya yang penting integriti. Jika mereka tidak pegang prinsip itu, mereka akan terima akibatnya.

"Saya bersikap terbuka dan sedia beri kerjasama kepada SPRM," katanya.

Mahkamah Majistret Putrajaya bermula hari ini sehingga 9.10 pagi dibawa pegawai SPRM ke mahkamah dengan berbalu lokap. Kelmarin, portal Harian Metro melaporkan suspek



SETIAUSAHA politik menteri direman pegawai SPRM ke Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam.

berusia 47 tahun itu ditahan pada jam 5 petang di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya, semalam ketika hadir memberi keterangan.

Sumber berkata, siasatan mendapati lelaki itu diper-

melaporkan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub mengenai gaskan tidak akan campurtangan dalam siasatan SPRM berhubung penahanan setiausaha politiknya, semalam.

cayai menerima jam tangan mewah sebagai dorongan bagi membolehkan sebuah syarikat pembangunan mendapatkan projek di bahagian kelolaan kementerian.

Pada masa sama, media

Setiausaha Politik direman

PUTRAJAYA 2 April - Setiausaha Politik kepada Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani direman empat hari berhubung dakwaan menerima suapan berbentuk jam tangan dianggarkan bernilai RM28,000.

Majistret Ahmad Asyraf Mohammad Kamal membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menahan reman lelaki berusia 47 itu sehingga Jumaat ini.

Terdahulu, lelaki itu tiba di Mahkamah Majistret di sini hari ini pada pukul 9.10 pagi dengan berbaju reman SPRM. Semalam, suspek tersebut ditahan pada kira-kira pukul 5 petang di Ibu Pejabat SPRM di sini ketika hadir memberi keterangan.

Menurut sumber, siasatan awal mendapati lelaki terbabit dipercayai menerima jam tangan mewah itu sebagai dorongan membolehkan sebuah syarikat pembangunan mendapatkan projek-projek di bawah kelolaan kementerian terlibat.



SETIAUSAHA Politik kepada Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani yang didakwa menerima suapan berbentuk jam tangan bernilai RM28,000 dibawa untuk perintah tahanan reman di Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam. - UTUSAN/RASHID MAHFOF

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Azam Baki ketika dihubungi mengesah-

kan penahanan tersebut dengan siasatan dijalankan mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009.

Saya takkan lindungi - Salahuddin

KOTA BHARU 2 April - Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub bersedia memberi kerjasama penuh kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam siasatan kes suapan yang dikatakan membabitkan Setiausaha Politikanya.

Salahuddin memberitahu, beliau sama sekali tidak akan melindungi pegawai terbabit dan menyerahkan sepenuhnya kepada peraturan perundangan.

Beliau berkata, pihaknya ter-

buka menerima sebarang kemungkinan kerana inilah cabaran apabila menegakkan integriti dalam urus tadbir kerajaan.

"Saya sudah sebut dalam kenyataan awal, saya serah kepada *rule of law*, kalau dia bersalah dia terima akibatnya, biarlah undang-undang ambil tempat, selepas itu baru saya ambil tindakan sewajarnya.



SALAHUDDIN AYUB

"Kalau dia bersalah rakyat akan nilai, saya takkan lindungi, apa yang penting adalah integriti pegawai saya, kalau mereka tidak pegang prinsip itu maka mereka akan terima akibat," katanya selepas majlis taklimat dan pelantikan Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) yang baharu di ibu pejabat KADA di sini hari ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/4/2019	BERITA HARIAN	MAHKAMAH	19

Setiausaha politik menteri kena reman empat hari

[FOTO BERNAMA]

➔ Suspek bantu siasatan dakwaan terima jam tangan mewah RM28,000

Oleh Suhaila Shahrul Anwar dan Mohd Zulkifli Zainuddin
bhnews@bh.com.my

► Putrajaya

Setiausaha Politik kepada Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani direman empat hari bagi membantu siasatan berhubung dakwaan penerimaan jam tangan mewah bernilai RM28,000.

Perintah reman bermula semalam hingga 5 April dikeluarkan Majistret Ahmad Asyraf Mohammad Kamal di Mahkamah Majistret Putrajaya di sini, semalam.

Lelaki berusia 47 tahun itu ditahan sekitar jam 5 petang kelmarin selepas hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Putrajaya.

Suspek disiasat mengikut Seksyen 16 (a) (A) Akta SPRM 2009.

Menurut sumber, pemberian jam itu dipercayai sebagai do-



Setiausaha politik menteri diiringi pegawai SPRM dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya untuk mendapatkan perintah reman, semalam.

rongan daripada sebuah syarikat untuk membolehkan projek di bawah kementerian berkenaan dapat dibangunkan.

Sumber itu memaklumkan, siasatan awal mendapati jam itu bernilai tinggi dan sebagai hadiah kepadanya berkemungkinan bertujuan untuk memperoleh projek kementerian.

Semakan laman web kementerian mendapati Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, mempunyai seorang setiausaha politik iaitu Mohd Sabki Yusof.

Ambil tindakan Sementara itu, di Kota Bharu,

Salahuddin berkata, beliau akan mengambil tindakan sewajarnya berhubung kes itu.

Katanya, beliau menerima hakikat mengenai perkara itu dan jika didapati bersalah, setiausaha politiknya akan terima akibatnya.

"Biarlah undang-undang mengambil tempat dan selepas itu, saya sendiri akan mengambil tindakan sewajarnya.

"Saya tidak akan terima ini (kesalahan) kerana prinsip saya yang penting intergriti.

"Jika mereka tidak pegang prinsip itu, mereka akan terima akibatnya," katanya dalam sidang media selepas Majlis Pe-

rasmian Pengerusi Baru KADA, di sini, semalam.

Ditanya mengenai sama ada kes itu akan memberi kesan kepada Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Rantau, Salahuddin yang juga Timbalan Parti Amanah Negara (AMANAH) berkata, rakyat lebih bijak berfikir dan menilainya.

Biar rakyat nilai

"Dia (setiausaha politiknya) baru saja dituduh dan kalau dapat bersalah, biar rakyat menilainya," katanya.

Suspek disiasat mengikut Seksyen 16 (a) (A) Akta SPRM 2009.

Rasuah jam: Setiausaha politik menteri direman

PUTRAJAYA - Setiausaha Politik Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani direman empat hari bagi membantu siasatan berhubung dakwaan menerima suapan berupa jam tangan mewah berjenama Omega bernilai RM28,000.

Tahanan reman itu bermula semalam dan berakhir Jumaat ini.

Majistret Ahmad Asyraf Mohamed Kamal mengeluarkan perintah tahanan itu selepas membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Terdahulu, lelaki itu tiba jam 9.15 pagi memakai baju lokap SPRM berwarna jingga dan bergari diiringi oleh pegawai suruhanjaya itu. Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 16(a) (A) Akta SPRM 2009 kerana rasuah.

Kelmarin, lelaki berusia 47 tahun itu ditahan jam 5 petang selepas hadir beri keterangan di Ibu Pejabat SPRM.

Menurut sumber, siasatan awal



mendapati lelaki itu diperca-
yai menerima jam tangan mewah tersebut sebagai dorongan membolehkan sebuah syarikat pemban-
ngunan mendapatkan projek-projek sebuah ke-
menterian.

Sementara itu, Menteri-
nya, Datuk Salahuddin Ayub dalam kenyataannya mengesahkan, pegawainya ditahan SPRM, dan pihak-
nya tidak akan campur tangan dalam siasatan tersebut.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/4/2019	NST	NEWS	3



The political secretary of Agriculture and Agro-Based Industry Minister Datuk Salahuddin Ayub being brought to the magistrate's court in Putrajaya yesterday. PIC BY LUQMAN HAKIM ZUBIR

ALLEGED KICKBACK TO SECURE PROJECTS

Minister's aide remanded over RM28,000 watch

PUTRAJAYA: Agriculture and Agro-Based Industry Minister Datuk Salahuddin Ayub's political secretary, who is alleged to have received a branded watch worth RM28,000 as a kickback to help secure projects, has been remanded for four days.

The 47-year-old was brought to the magistrate's court here at 9.10am in a MACC lock-up T-shirt.

It was reported that the suspect was arrested after having his statement recorded at the MACC headquarters here at 5pm on Monday.

The man was said to have received the watch as a kickback from a development company to secure projects under a ministry.

The case is being investigated under Section 16 (a)(A) of the

MACC Act 2009.

Meanwhile, Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamad yesterday said government servants were not allowed to accept gifts.

Commenting on the arrest, Dr Mahathir said it was up to the people to evaluate the crime.

"If somebody receives something before he was in the government, that is his problem, not

our problem.

"It is only when you are working in the government that you are not allowed to receive gifts," he said after witnessing the signing of an agreement between KA Petra Sdn Bhd and Hutchison Port Holdings Ltd to develop the world's largest Ship-to-Ship Transfer Hub in Johor yesterday.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/4/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	3

Anggota pentadbiran dilarang terima hadiah

PUTRAJAYA 2 April - Tun Dr. Mahathir Mohamad menegaskan mana-mana anggota pentadbiran dilarang menerima hadiah yang menjurus kepada rasuah sewaktu berada dalam kerajaan.

Perdana Menteri berkata, pihaknya tidak sesekali akan membenarkan jenayah rasuah berlaku dalam pentadbiran kerajaan.

"Sekiranya jenayah itu dilakukan sebelum mereka berada dalam kerajaan, itu masalah mereka sendiri, bukan masalah kita.

"Jika didapati bersalah, apa apa-pun terpulang pada orang ramai untuk menilainya," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas Majlis Menandatangani Perjanjian Pelaburan Antarabangsa antara KA Petra Sdn. Bhd. dengan Hutchison Port Holdings Limited berhubung Pembangunan Hab Pelabuhan Kapal Ke Kapal Terbesar Dunia di perairan Johor di sini hari ini.

Beliau mengulas mengenai Setiausaha Politik kepada Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani yang direman empat hari berhubung dakwaan me-

nerima suapan berbentuk jam tangan dianggarkan bernilai RM28,000.

Dalam perkembangan lain, Dr. Mahathir berkata, kerajaan akan memutuskan perkembangan terbaharu mengenai isu sisa buangan oleh Lynas Malaysia Sdn. Bhd. dalam mesyuarat Kabinet kelak.

"Mungkin akan berlaku perbezaan pendapat mengenai isu berkenaan dan ia adalah normal. Namun, apa yang diputuskan oleh Kabinet kelak akan dianggap keputusan rasmi kerajaan," katanya.

Ditanya sama ada kerajaan akan menyemak semula harga gas asli cecair (LNG) seperti dilakukan Singapura, Dr. Mahathir berkata, gas itu dijual di negara ini dengan harga subsidi.

"Ini sangat rendah, lebih rendah daripada negara pengeluar, apa lagi yang anda mahu," katanya.

Sementara itu, berhubung spekulasi program pengajian dan penempatan semula pekerja asing dijangka pada bulan ini, Dr. Mahathir berkata, beliau tidak boleh jawab berhubung perkara itu kerana ia masih dalam perbincangan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/4/2019	MINGGUAN AMANAH	TAMU	22

Nelayan pantai Teluk Bahang diancam pencemaran sisa lumpur

Oleh **SAHABAT ALAM
MALAYSIA (SAM)**

SAHABAT Alam Malaysia (SAM) mengesakan kerajaan Pulau Pinang, Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Laut menjalankan siasatan dan mengambil tindakan segera bagi mengatasi pencemaran sisa lumpur di perairan Teluk Bahang ketika ini.

Masalah yang berlarutan sejak lebih setahun yang lalu itu kini semakin kerap berlaku serta mengancam kehidupan lebih 200 nelayan pantai di kawasan berkenaan.

Dalam tinjauan yang dibuat nelayan-nelayan yang terlibat memberitahu SAM bahawa ia di percayai berpunca dari tindakan kapal pengangkut sisa lumpur dari tapak projek penambakan laut di Persiaran Gurney membuang bahan itu ketika dalam perjalanan ke Pulau Kendi.

Di samping lumpur terdapat bahan buangan lain seperti sisa kayu dan besi melekat pada pukot nelayan-nelayan di sini menyebabkan pukot menjadi rosak dan mereka yang terlibat telah mengalami kerugian antara RM300 hingga RM7,000 seorang.

SAM difahamkan, ikan dan udang yang menjadi sumber tangkapan utama nelayan-nelayan di kawasan ini juga turut berkurangan menyebabkan hasil tangkapan mereka merosot melebihi 50% setiap kali pencemaran itu berlaku.

Sehubungan itu SAM meminta Jabatan Perikanan negeri mengadakan perjumpaan dengan nelayan-nelayan pantai Teluk Bahang bagi membincangkan masalah ini dan masa depan kehidupan mereka yang terjejas akibat kejadian tersebut.

Bantuan atau pampasan wajar diberikan kepada semua mangsa kejadian ini kerana kerugian akibat kerosakan pukot yang dialami adalah besar dan mereka terpaksa mengambil masa yang lama untuk turun semula ke laut bagi menjalankan aktiviti tangkapan.

SAM kesal walau pun masalah ini membelenggu kehidupan masyarakat nelayan di kawasan itu namun tidak ada perhatian serius yang diberikan atau tindakan berkesan oleh pihak berkenaan.

SAM percaya dan bimbang kesan yang lebih buruk akan berlaku ke atas alam sekitar dan kehidupan nelayan pantai di negeri ini jika projek penambakan laut diteruskan. Lihatlah apa yang berlaku di Tanjong Tokong, Gelugor, Batu Ubah, Queensbay dan Persiaran Gurney.

Kelulut tembusi pasaran antarabangsa



Dr Zulkifli Mustafa

Oleh
**MUHAMMAD ARIF
ISMAIL**

TUMPAT: Industri madu kelulut di Kelantan berjaya menembusi pasaran antarabangsa menerusi usaha yang dilakukan Makmal Inovasi Kelulut Darul Naim (Mikdam).

Pengerusi Mikdam Dr

Zulkifli Mustafa berkata, dalam tempoh sebulan pihaknya menghasilkan 300 botol bagi memenuhi permintaan dari Arab Saudi, China, Korea dan Jepun.

Menurut beliau, Mikdam berfungsi sebagai pusat pengumpulan madu kelulut dari pengusaha yang bernaung di bawah Persatuan Pengusaha Lebah Kelulut Darul Naim (Drones).

“Kita menyedari satu inisiatif perlu dilakukan bagi melengkapkan lagi rantai produk yang terputus antara penternak tempatan dan pasaran antarabangsa.

“Setelah kira-kira setahun setengah beroperasi kita menghasilkan 300 botol madu kelulut sebulan bagi memenuhi permintaan pasaran antarabangsa,” katanya di sini Khamis lepas.

Zulkifli yang juga Pengerusi Jabatan Neurosains

Universiti Sains Malaysia (USM) Kubang Kerian berkata, Mikdam mempunyai teknologi untuk mengurangkan kandungan air dalam madu.

Katanya, persatuan itu bekerjasama USM membangunkan Standard operating procedure (SOP) bagi menyeragamkan pengeluaran serta menjamin mutu kualiti madu kelulut.

“Air dapat dikurangkan daripada 30 peratus kepada 20 peratus, madu dihasilkan tahan lebih lama, tidak masam dan tidak berbuih dan hasilnya produk kita dapat menembusi pasaran antarabangsa,” katanya.

Sehingga kini Mikdam berjaya mengumpulkan 150 penternak mempunyai hampir 6,000 koloni madu lebah kelulut yang memberi pulangan sehingga RM7 juta.



Peralatan moden bagi menghasilkan madu kelulut yang lebih bermutu.

Kelantan hasil madu kelulut bermutu



Ustaz Ahmad Yakob merasmikan Makmal Inovasi Kelulut Darulnaim.

TUMPAT: Kelantan antara negeri menghasilkan madu kelulut bermutu tinggi yang boleh menjadi tarikan pelancong.

Sehingga sekarang terdapat seramai 150 penternak madu kelulut yang bernaung di bawah Persatuan Pengusaha Lebah Kelulut Darul Naim (Drones).

Mereka berjaya melakukan pemodenan kaedah penghasilan madu kelulut.

Menteri Besar, Ustaz Dato' Ahmad Yakob berkata, Drones juga mewujudkan Makmal Inovasi Kelulut Darul Naim (Mikdam) sebagai pusat pengumpulan serta pemprosesan madu.

"Saya kagum usaha anak-anak kita yang mencipta inovasi seperti penyedut madu kelulut dari dapur lebah dan ia digunakan sepenuhnya penternak madu di Kelantan.

"Kerajaan negeri sememangnya sejak dari dahulu lagi menjadikan pertanian ini sebagai satu ibadah. Kita memberi galakan dan merakam tahniah kepada persatuan ini," katanya selepas merasmikan pusat operasi Mikdam di Bandar Baru Pasir Pekan Khamis lepas.

Hadir sama Pengeru-

si Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar, Ustaz Tuan Mohd Sari-pudin Tuan Ismail dan Pengerusi Mikdam, Dr Zulkifli Mustafa.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan (PKPKN) Engku Rajhan Engku Ismail dan Timbalan Pengerah (Sektoral), Nik Jessim Nik Hashim.

Ustaz Ahmad berkata, kerajaan negeri berbangga terhadap pencapaian pengusaha industri penternakan lebah kelulut.

"Industri penternakan lebah kelulut boleh dijadikan tarikan pelancong bagi membolehkan mereka merasai sendiri bagaimana madu lebah kelulut dihasilkan.

"Ketika kita melancong ke mana-mana negara didapati mereka susun begitu rapi produk dari ladang, seperti produk tenusu di New Zealand.

"Kita boleh mempelajari teknik serta kaedah hendak majukan bidang ternakan madu lebah kelulut di Kelantan, perkara ini boleh dijadikan produk pelancongan," katanya.

Salahuddin cabar Abdul Hadi dedah nama pemimpin AMANAH alat DAP

PARTI Amanah Negara (Amanah) mahu Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang menamakan pemimpin dalam Pakatan Harapan (PH) yang didakwa menyifatkan Amanah diwujudkan untuk menjadi alat bagi DAP mengelang pengaruh serta peluang PAS pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) lalu.

Timbalan Presidennya, Datuk Salahuddin Ayub berkata, kesahihan perkara itu perlu dibuktikan bagi mengelak berlakunya fitnah.

"Lebih baik dia namakan siapa pimpinan itu dan saya akan ambil tanggungjawab atas isu ini. Saya mahu ia dibuktikan dahulu siapa nama dia dan



Salahuddin
Ayub

jika dikenal pasti saya akan mengambil langkah tertentu.

"...Jika beliau (Abdul Hadi) berani umumkan itu, barulah dianggap terbuka dan 'gentleman'," kata Menteri

Pertanian dan Industri Asas Tani itu ketika ditemui pemberita di lobi Parlimen baru-baru ini.

Beliau berkata MP Marang perlu bersedia untuk membuktikan dakwaannya apatah lagi Hadi cukup berani membuat kenyataan itu.

Abdul Hadi dilapor membuat dakwaan itu ketika berucap merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan ke-41 PAS kawasan Ketereh pada 23 Mac.

Presiden PAS berkata, DAP tidak pernah berhenti berusaha mencari jalan mengelang pengaruh PAS kerana agenda parti itu adalah untuk menyekat kemaraan Islam di negara ini.

Kata Hadi lagi, Amanah sebenarnya di-

wujudkan semata-mata untuk menjadi alat kepada strategi DAP yang mahu menyekat pengaruh dan peluang PAS pada PRU-14.

"(Memandangkan) PKR bukan parti Islam, lalu mereka berusaha menubuhkan Amanah. Bukan untuk mempertahankan atau memperjuangkan Islam tetapi alat DAP untuk hadang pengaruh PAS.

"Ini bukan saya kata. Pemimpin dalam PH sendiri kata tapi saya tak nak sebut siapa nama dia, pemimpin ini juga akui sendiri bahawa Amanah ini parti alat semata-mata," ujarnya.

Dalam ucapannya, Abdul Hadi dilaporkan berkata ada pemimpin dalam PH sendiri yang mengakui bahawa parti Amanah hanya parti alat semata-mata.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/4/2019	UTUSAN MALAYSIA	RENCANA	16



Berani hadapi kartel

"Kartel ada rangkaian yang berakar umbi lebih 60 tahun. Mereka boleh 'bunuh' saya kerana pertanian adalah perniagaan yang memberikan pulangan berbilion ringgit tapi menteri kena berani bersuara, saya ada keberanian itu."

»16

'Berani hadapi kartel'

MOOD Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, **DATUK SALAHUDDIN AYUB** pada petang kelmarin di pejabat Tingkat 10, Lembaga Pertubuhan Peladang, Jalan Sultan Salahuddin, Kuala Lumpur kelihatan ceria.

Khabarnya beliau baru selesai bermesyuarat dengan delegasi perniagaan China mengenai kejayaan eksport durian Musang King negara ke republik tersebut.

Menerima baik kedatangan *Utusan Malaysia* ke pejabatnya, Salahuddin dalam pertemuan hampir dua jam dengan wartawan **ZULKIFLI JALIL, HAFIZAHRI HAMD, NIZAM YATIM** dan **ASYRIQ FAHMY AHMAD** itu berterus terang

MUKADIMAH

akan impiannya untuk melihat petani dan nelayan benar-benar menikmati pulangan hasil daripada kudrat yang diusahakan mereka.

"Mengapa petani masih miskin sejak berpuluh-puluh tahun lalu," soal Salahuddin kepada kami. Dan bila masuk bab politik, ketegasan Salahuddin begitu terserlah apabila kami ajukan dakwaan yang kerap ditujukan orang luar khususnya Pas terhadap Parti Amanah Negara (Amanah). Apa lagi kalau bukan bunyinya: Amanah alat strategi DAP.

Salahuddin juga percaya ketajaman mata pena boleh membentuk dan membina masyarakat. Di Indonesia katanya, dengan novel yang dihasilkan sahaja sudah cukup untuk menggugat dunia.



PETANI PERLU BERUBAH BERPENGETAHUAN

ISU sekarang adalah kenapa selepas lebih 60 tahun negara kita merdeka, dengan begitu banyak peruntukan yang kita dapat, menteri pun semua Melayu, tetapi majoriti petani, pesawah dan nelayan kita masih miskin. Itulah saya rasa cabaran yang besar kerana saya pun nak dari bawah.

Saya lahir dan membesar di kampung nelayan, pernah menjadi peraih ikan, pernah berkebun, bapa mentua dan majoriti orang kampung pun nelayan, apa yang tidak kena? Kita kena tengok kepada skop lebih besar, bukan penyelesaian secara sedikit demi sedikit dan dalam satu malam. Saya kena sabar dan fokus untuk mengubah masa depan mereka.

Pertama, adalah teknologi dan kedua, sikap. Bila saya turun padang, dua benda ini yang saya jumpa. Kalau dibandingkan jelapang Sekinchan dengan sebelahnya sahaja, hasil cukup berbeza, satu tinggi dan satu rendah sedangkan kita guna varieti padi dan baja sama, puncunya adalah sikap, maknanya ada petani yang tiada disiplin.

Saya rasa tugas kita adalah untuk memberikan mereka pendidikan, menambah mereka dengan pengetahuan serta memperkenalkan mereka kepada teknologi baharu bagi membolehkan semua sektor pertanian dimodenkan.

Untuk mengubah perkara ini kita kena ada kumpulan sasaran baharu iaitu anak muda. Mereka ini lebih terbuka dan pantas serta berpengetahuan dalam teknologi maklumat (IT).

Kita nak perkenal kepada mereka apa yang dron boleh buat dalam bidang pertanian seperti pemetaan tanah dan menjimatkan masa kerja-kerja penyemburan baja dan racun.

Teknologi moden lain adalah menyediakan traktor mini untuk penanaman padi dan Internet Saling Berhubung (IoT) serta kecerdasan buatan (AI).

“...tetapi kalaulah 35 tahun saya berjuang (dalam politik) saya hadapi semua sekali, petani bawah sana miskin, saya kena ambil cabaran ini.”

MENTERI HARUS BERANI HADAPI KARTEL

Kartel ini dia ada rantaiannya yang telah berakar umbi lebih 60 tahun. Dia orang boleh 'bunuh' saya kerana pertanian ini adalah perniagaan yang memberikan pulangan berbilion-bilion ringgit, tetapi menteri kena berani bersuara dan saya mempunyai keberanian itu.

Bukan saya berani sangatlah, tetapi kalaulah 35 tahun saya berjuang (dalam politik) saya hadapi semua sekali, petani bawah sana miskin, saya kena ambil cabaran ini. Saya mati pun tidak apa, saya rela. Tetapi saya akan buat secara bijaksana. Pertama, kita kena engage (dapat kerjasama) dengan semua pegawai. Kita nak rungkai satu rangkaian kartel ini bukan mudah. Kita memerlukan keberanian

dan penuh keyakinan untuk bergerak ke hadapan.

Kalau saya panggil mesyuarat dan maki pegawai pun tidak selesai masalah (kartel). Orang kata Ketua Setiausaha (KSU) begini-begini.

Saya kata saya jadi menteri, saya memimpin dan ajak mereka bersama-sama, barulah kita boleh bergerak ke hadapan. Jadi saya kena sabar dan bijak.

Setakat ini, Alhamdulillah KSU dan Timbalan KSU sangat menyokong usaha ini.

NAFAS BANGKITLAH SEMULA...

Saya masuk bulan enam, Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) digantung. Kecewa dan sedihnya saya membaca laporan itu. Saya nak marah pun tidak boleh, sebab itu adalah agenda (membantu) Melayu.

Tetapi apabila Nafas diberi selama berpuluh-puluh tahun dapat rundingan terus baja kepada kerajaan, yang bernilai berbilion-bilion ringgit, tetapi 13 anak syarikat rugi. Dah lah tidak buat bisnes dan hanya bergantung kepada baja. Baja pula rundingan terus tetapi masih rugi.

Jadi persoalannya agihan ke mana? Hanya segelintir yang dapat, saya tak nak

huraikan lebih lanjut, you faham-fahamlah. Jadi langkah ke hadapan saya sekarang ini untuk dua tiga tahun ini, saya mesti ada *upper hand* (kawalan) dalam hal ini.

Jadi sekarang saya nak Nafas balik semula. Saya dah minta pengurusan Nafas yang baharu membuat pelan perniagaan serta ekosistem dalam bidang *poultry* (ayam itik), perladangan, ruminan dan tenusu.

Ada empat bisnes besar yang akan dibuat oleh Nafas. Kemudian saya akan cuba untuk tahun ini atau tahun hadapan masih dapat rundingan terus lagi.

Saya juga hendak tubuh Tabung Pelaburan Petani macam Amanah Saham Nasional (ASN). Saya minta Permodalan Nasional Bhd. (PNB) nasihat, supaya keuntungan dapat terus kepada petani.

HALA PUSAT FIDLOT KEBANGSAAN (NFC)

Perkembangan terkini tentang NFC ini adalah perundingan sedang dibuat di peringkat akhir. Saya diberitahu ada syarikat lain yang nak beli NFC ini dan sekiranya mereka boleh selesaikan dari segi

perundingan, kementerian tidak ada masalah.

Kita nak NFC berkembang, kalau kita *hold* (tanggung) pun tiada faedah, kes mahkamah (berlarutan), ini akan menyusahkan semua pihak. Jadi buat apa berendam. Dua hari lepas KSU tengok terma dan syarat syarikat ini dan berita baik katanya.

Jadi dalam masa singkat kita akan selesaikan isu ini. Kalau ada syarikat lain nak teruskan, okey, tetapi hutang kena bayar balik kepada Kementerian Kewangan, negara pun untung.

JASA UTUSAN

Sebenarnya Utusan ini ada jasa kepada saya. Semasa saya menjadi Ahli Parlimen dan Ketua Pemuda dahulu walaupun saya dalam Pas, Utusan memberikan liputan yang bagus.

Berapa siri saya mendapat muka tengah, sampaikan kepemimpinan Pas berasa cemburu dengan saya, kata nak masuk UMNO ke.

Betul! Dia kata, ehi baik sangat ni, dia takut saya masuk UMNO, akhirnya dia (Pas) yang pergi kepada UMNO sekarang.

Saya kata, saya cakap benda yang sepatutnya saya cakap sebagai pemimpin yang dilatih dalam Pas, saya hanya mengamalkan untuk menjadi seorang Muslim yang baik, cakap elok-elok. Mungkin Utusan rasa saya sesuai.

Radio Televisyen Malaysia (RTM) pun saya terhitung budi, betul, bukan apa, saya banyak dapat peluang seperti Debat Perdana, jadi semua orang merasakan saya akan meninggalkan Pas.

Memang Pak Lah (Tun Abdullah Ahmad Badawi) pada masa itu nak saya masuk UMNO. Pak Lah puji saya, katanya kalau saya (Pak Lah) beri satu kerusi kepada MCA, Gerakan, kenapa tidak saya beri satu kerusi kepada orang baik macam you.

Jadi itu pada 2004, masa itu Barisan Nasional (BN) memang besar, bukan dua pertiga tetapi majoriti sembilan per 10.



SALAHUDDIN AYUB memuatkan hasrat warga emas, Siti Mat Lidi (tengah) yang ingin berterima kasih dengannya bagi memulakan masalah yang dihadapi di petak sawah milik petani itu di Seberang Perak pada 5 Mac lalu.



Apa hujah Amanah alat DAP?

SAYA sudah tidak hiraukan lagi isu ini (Amanah alat DAP), bukan benda baharu. Tanggapan sama turut melanda dalam Pas sebelum ini apabila Pas bekerjasama dengan DAP.

Apa sahaja bentuk kerjasama yang menjadi cabaran kepada BN pasti ayat sedemikian akan dikeluarkan. Ia merupakan ayat yang paling mudah untuk difahamkan kepada rakyat, 'alat kepada DAP', nampak macam praktikal namun tidak sebenarnya bagi DAP. Saya merasakan kerajaan Pakatan Harapan (PH) sebenarnya dapat mengawal dari segi polisi dan dasar.

Saya sendiri pun tidaklah bodoh sebegitu, sebagai seorang Melayu, Islam dan terdidik di dalam Pas begitu lama dengan perjuangan untuk bangsa dan agama biarpun sebesar mana sekalipun misi tidak mungkin saya akan korbankan perkara asas ini. Jadi di dalam Parti Amanah Negara (Amanah) ini apa yang kita korbankan? Dalam kerajaan PH yang ada pada hari ini apa yang telah dikorbankan?

Lainlah jika ada mana-mana ahli dalam parti (Amanah) yang telah kehilangan jati diri, mula berkompromi, luntur akhlak sejak bersama DAP barulah ada hujahnya. Apa yang telah kami gadaikan? Dari segi agama, cuba sebutkan apakah perkara yang berkaitan agama telah parti Amanah gadaikan?

Adakah kedudukan Raja-raja Melayu terjejas, adakah Islam sebagai Agama Rasmi Persekutuan terhakis? Hak-hak orang Melayu apa yang kita ambil? Jika betul perkara sedemikian berlaku, beritahu saya.

KALAU LAH PAS TIDAK PATAH BALIK...

Apabila kami keluar (dari Pas), ia adalah atas pilihan sendiri kerana kita merasakan bahawa Pas ketika itu tidak lagi



PERTEMUAN dengan Salahuddin Ayub di Kuala Lumpur kelmarin turut disertai ANH Lembaga Pengarah Utusan Melayu (M) Bhd., Datuk Ahmad Fauzi Zahari (dua dari kanan). - UTUSAN/GAIE UCHEL

menepati pendekatan politik yang bagi kami sangat perlu untuk berkuasa.

Ramai dalam kalangan kepimpinan Amanah semasa di dalam Pas dahulu yang tidak bersetuju dengan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang masa itu bukan melibatkan soal agama tetapi ada sesuatu yang kami merasakan beliau tidak lagi membuat keputusan yang betul.

Contohnya seperti isu yang melanda dalam kepemimpinan BN sebelum ini, apabila berlaku perkara yang tidak betul tiada siapa yang berani menegur.

Jika ada yang mendesak sehingga bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak meletakkan jawatan digantikan oleh timbalannya, hari ini saya masih lagi pembangkang rasanya.

Ada juga yang menyatakan jika hal itu terjadi, mungkin UMNO akan selamat. Tidak berlaku seperti hari ini, tetapi itu telah ditetapkan oleh Allah SWT. Begitu juga saya dengan Tok Guru Abdul Hadi, keallimannya, kewarakannya, saya masih hormat, namun dari segi pendekatan politik ia agak berbeza.

Pas saya rasa tidak lagi boleh bawa visi kami untuk moderate ke arah Islam yang lebih progresif. Bagi saya Tok Guru Abdul Hadi telah membawa parti itu balik

semula 30 tahun ke belakang, jadi kami tidak boleh terima situasi tersebut melainkan jika saya menjadi *yes man*.

Saya di dalam Pas hampir 35 tahun, memegang jawatan Ketua Pemuda Pas Pusat. Visi kami ketika itu amat jelas. Islam ini bagi saya bukan hanya tertumpu kepada soal sembahyang, puasa. Jika itu yang difokuskan semata-mata, tiada siapa faham ideologi dibawa dan mereka tidak akan mengundi kita.

Sebab itu Pas hanya kekal berkuasa di Kelantan dan Terengganu sahaja, sepatutnya apa yang kita perjuang adalah bagaimana Islam itu boleh diterapkan dalam proses tabdir urus yang baik, kita nak menentang kemungkaran dan sebagainya. Oleh yang demikian kita memerlukan kuasa politik.

Perjuangan kami ketika di dalam Pas waktu itu sehingga mampu meyakinkan orang bukan Islam mengundi Pas. Kita sudah pergi sejauh itu. Bayangkan Pas tidak berpatah balik, Pas merupakan kerajaan sekarang, mungkin Tok Guru Abdul Hadi telah pun menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Oleh sebab yang demikian kami menubuhkan Amanah dan dibawa masuk ke dalam arus perdana (PH), lalu menang. Jika Pas tidak berpatah balik, mereka itu

parti kedua terbesar.

Bagaimanapun perkara yang sebaliknya berlaku dan kini berkawan pula dengan UMNO, untuk apa? Jika objektifnya adalah untuk memperjuangkan dan meletakkan bangsa serta agama pada tempat yang sepatutnya, apa yang diperlukan adalah kuasa. Tapi jika bergabung dengan parti kalah, apa boleh mereka buat?

AMANAH TERUS BELA MELAYU ISLAM

Siapa yang mengatakan bahawa Amanah tidak memperdulikan bangsa dan agama? Saya adalah Melayu dan Islam, *bottom line* saya masih memperjuangkan negara Islam dan kepentingan Melayu, saya tidak akan kompromi tentang hal itu. Namun jika berlaku penyelewengan janganlah pula kita kompromi.

Tidak boleh. Dalam Amanah, kami mahukan Melayu mendominasi negara kita dan agama Islam dipelihara. Namun kita tidak seperti Pas yang sewenang-wenangnya mengkaifikan orang lain, menuduh orang lain tidak beriman dan sebagainya. Naratif kita berbeza.

Sebagai contoh bagaimana kita berhadapan atau menangani perkara-perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam seperti

KIWARAKAN Tok Guru Abdul Hadi Awang, melalui informasi oleh Salahuddin Ayub. Namun dari segi pendekatan politik, Amanah dan Pas memilih jalan berbeza.

“

Adakah kedudukan raja-raja Melayu terjejas, adakah Islam sebagai agama rasmi persekutuan terhakis? Hak-hak orang Melayu apa yang kita ambil? Jika betul perkara sedemikian berlaku, beritahu saya.”

terdapatnya kilang arak, golongan Lesbian, Gay, Bisexual dan Transgender (LGBT). Adakah perlu kita bakar kilang-kilang arak ini, mengambil tindakan ekstrem terhadap golongan LGBT? Mestilah tidak, bagaimana kita berhadapan dengan rakyat sebegini? Islam ini bagaimana sebenarnya?

Naratif Islam itu sebenarnya tidak sampai sebagai contohnya isu Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD), ia tidak menyentuh kepentingan Melayu pun.

Oleh itu, naratif kita kena betul, seperti juga anda (*Utusan Malaysia*) jika mahu orang Melayu maju, kita kena beri kesedaran (*educate*) minda orang Melayu, jangan lagi berpegang kepada naratif sebelum ini, kita akan mati, Melayu akan mati. Beri orang Melayu ruang untuk berani berfikir, pandu mereka bagi arah yang betul kepada mereka.

Untuk membentuk sebuah negara Islam, kita memerlukan pemimpin Melayu Islam yang jelas akan pembawakan tidak menyalah guna kuasa, tidak *racist* dan kita bukannya mahu mempraktikkan Islam yang radikal.

Cumanya kita hari ini ada sedikit perselisihan contohnya tentang pengiktirafan Sijil UEC (Unified Examination Certificate). Apa yang saya bagi tahu adalah penyampaian naratifnya (UEC) adalah tidak berapa kena.

Jika diubah sedikit dengan memasukkan klausa atau komitmen untuk turut menjadikan calon sijil tersebut menitikberatkan penguasaan Bahasa Melayu dan diktraf terlebih dahulu oleh Kementerian Pendidikan dan segala prosedur operasi standard (SOP) contohnya, maka segalanya akan menjadi lebih mudah. Naratifnya perlu tepat agar lebih mudah di fahami.